




UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH

جامعة السلطان احمد شاه الإسلامية ببهانج
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY

اِسْتِعْدَادٌ بِتَاكُونِ نَوْرٍ وَكَاشِفٍ

اَوْنُوْرٍ سَيَّيْئٍ سَلَامٍ رَقِيْعٍ سَلْطَانٍ اَحْمَدٍ شَاهٍ

22-5



BUKU PANDUAN GRADUAN
ISTIADAT KONVOKESYEN

UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH
(UnIPSAH)



TIGA DEKAD MEMBINA INSAN MENJUNJUNG KALAM



UNIVERSITI ISLAM PAHANG
SULTAN AHMAD SHAH
جامعة السلطان أحمد شاه الإسلامية بپهانج
SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY

بوکو قندوان خرادوان
استعادت کونؤوکیشن
اونیؤورسیتی اسلام فهغ
سلطان أحمد شاه
(اونیفسزس)

Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS)
KM8, Jalan Gambang
25150 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR

ISI KANDUNGAN	
Perkara	Muka Surat
Senarai Semak	3
Maklumat Penting:	
1.0 Tarikh, Masa dan Tempat Istiadat	5
2.0 Majlis Raptai Istiadat Konvokesyen	6
3.0 Pengesahan Kehadiran	6
4.0 Pembangunan Kerjaya HEPA Graduan / Alumni UnIPSAS	10
5.0 Yuran Konvokesyen	11
6.0 Pengambilan dan Pemulangan Set Jubah Konvokesyen	12
7.0 Kad Graduan	16
8.0 Pergerakan Graduan Semasa Istiadat Konvokesyen	17
9.0 Peraturan Pakaian Graduan	19
10.0 Etika Istiadat untuk Ibu Bapa / Tetamu	20
11.0 Rawatan Kecemasan	22
12.0 Pergerakan Kenderaan	22
13.0 Gambar Konvokesyen	22
14.0 Skrol Pengijazahan dan Transkrip Akademik	24
Peringatan	26
Lampiran	27

SENARAI SEMAK

Perkara yang perlu dilakukan oleh Graduan bagi menghadiri Istiadat Konvokesyen:

Bil	Perkara	Semakan	
		Ya	Tidak
1.	Graduan telah memuat turun, membaca dan memahami panduan dan peraturan Istiadat Konvokesyen ke-22.		
2.	Graduan membuat pengesahan kehadiran kepada Jawatankuasa Jemputan Graduan Istiadat Konvokesyen ke-22. (Perkara 3).		
3.	Graduan telah menyertai Kumpulan WhatsApp di saluran yang telah ditetapkan oleh HEPA (Perkara 4)		
4.	Graduan telah mengisi dan menangkap layar – Borang Pra SKPG dan Borang Alumni UnIPSAS (Perkara 4)		
5.	Graduan telah mengisi dan menangkap layar slip Borang Kajian Pengesanan Graduan KPT/SKPG 1.0 (Perkara 4)		
6.	Graduan telah mengisi dan menangkap layar Borang Pembangunan Kerjaya Graduan. (Perkara 4)		
7.	Graduan telah mengisi dan menangkap layar Borang Kajian Kepuasan Pelajar Graduan UnIPSAS (Perkara 4)		
8.	Graduan memastikan tiada tunggakan yuran pengajian sebelum hari Istiadat berlangsung. (Perkara 5)		
9.	Graduan telah memuat turun dan melengkapkan Borang Cagaran dari laman sesawang https://unipsas.edu.my/en/konvokesyen-ke-22-unipsas/ untuk proses pemulangan baki yuran pendahuluan sekiranya graduan TIDAK HADIR ke Istiadat Konvokesyen ke-22. (Perkara 5)		
10.	Graduan telah menerima Borang Senarai Semak Istiadat Konvokesyen UnIPSAS di Kaunter HEPA di Auditorium UnIPSAS. (Perkara 3)		

11.	Graduan telah memuat turun dan melengkapkan Borang Akuan Penerimaan dan Pemulangan Jubah dari laman sesawang https://unipsas.edu.my/en/konvokesyen-ke-22-unipsas/ (Perkara 6)		
12.	Graduan telah mengambil Set Jubah Konvokesyen dan Pas Masuk mengikut tarikh yang telah ditetapkan kaunter pengambilan jubah di Auditorium UnIPSAS. (Perkara 6)		
13.	Graduan memakai pakaian mengikut etika dan peraturan yang telah ditetapkan. (Perkara 9)		
14.	Graduan telah memulangkan Set Jubah Konvokesyen . (Perkara 6)		
15.	Graduan telah mengambil Skrol Pengijazahan dan Transkrip Akademik . (Perkara 14)		

Assalamualaikum Wrt. Wbt,

Para graduan yang budiman,

ISTIADAT KONVOKESYEN KE-22 UnIPSAS

Pihak UnIPSAS ingin merakamkan ucapan tahniah atas kejayaan saudara/saudari. Sukacita dimaklumkan bahawa Istiadat Konvokesyen ke-22 UnIPSAS akan diadakan seperti ketetapan di dalam buku panduan ini. Sehubungan dengan itu, saudara/saudari dikehendaki memahami Panduan dan Peraturan Istiadat Konvokesyen ke-22 UnIPSAS ini dengan jelas.

1. Tarikh, Masa dan Tempat Istiadat

Tarikh	:	17hb November 2025 bersamaan 26 Jamadilawwal 1447H
Hari	:	Isnin
Masa	:	7.30 pagi (Sidang I) 12.30 tengah hari (Sidang II)
Tempat Majlis	:	Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan

- Pintu Dewan Istiadat Konvokesyen akan dibuka kepada ibu bapa/ tetamu bermula jam **8.00 pagi hingga 9.00 pagi (Sidang I)** dan **1.00 petang hingga 2.00 petang (Sidang II)**.
- Senarai nama graduan boleh dirujuk di laman sesawang UnIPSAS <https://unipsas.edu.my/en/konvokesyen-ke-22-unipsas/>

2. Majlis Raptai Istiadat Konvokesyen

2.1 Majlis Raptai Istiadat Konvokesyen akan diadakan seperti keterangan berikut:

Tarikh	:	16hb November 2025 bersamaan 25 Jamadilawwal 1447H
Hari	:	Ahad
Masa	:	9.30 pagi
Tempat Majlis	:	Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan
Pakaian	:	Kemas, sopan dan menutup aurat

2.2 Semua graduan yang dijemput hadir ke Istiadat Konvokesyen **DIWAJIBKAN** menghadiri Majlis Raptai Istiadat Konvokesyen bagi membantu kelancaran Istiadat Konvokesyen yang diadakan.

2.3 Graduan diminta untuk merujuk video Panduan Istiadat Konvokesyen UnIPSAS yang dimuat naik dalam laman sesawang UnIPSAS <https://unipsas.edu.my/konvokesyen-ke-22-unipsas/>.

3. Pengesahan Kehadiran

3.1 Semua graduan **WAJIB** mengesahkan kehadiran secara dalam talian melalui pautan yang diberikan seperti panduan berikut **sebelum 17hb Oktober 2025 (Jumaat), jam 5.00 petang**:

- i. Pautan pengesahan kehadiran graduan:
<https://plu.sh/pengesahankehadirangraduan2025>
- ii. Sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan Jawatankuasa Jemputan Graduan seperti berikut:

ITEM	JAWATANKUASA	NO. TELEFON
FAKULTI DAKWAH, PENDIDIKAN DAN PERADABAN ISLAM		
Diploma Peradaban Islam	Puan Nurizan binti Baharum	019-948 8507
Diploma Bahasa Arab	Puan Aida Farkhana binti Ahmad Puhad	016-924 8085
Diploma Pengajian Islam Pengkhususan Dakwah dan Pengurusan	Puan Dayang Sakini binti Mohd Kadri	016-439 2431
Diploma Pengajian Media Islam	Encik Wan Hashridz Rizal bin Wan Abu Bakar	016-553 1327
Diploma Kaunseling Islam	Encik Mohd Fikri bin Mokhtar	014-518 4196
Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak Secara Islamik	Puan Syazwani binti Husin Puan Husmazahiera binti Hussin	011-3969 3207 019-981 0814
Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Pengajian Al-Quran (Kepujian)	Cik Azlina binti Abdullah Hasim	013-921 0725
Ijazah Sarjana Muda Dakwah Islamiah dengan Kepujian	Encik Mohamad Hasminie bin Mohamad Yusof	017-966 0859
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam Awal Kanak-kanak secara Islamik dengan Kepujian	Cik Siti Nurul Ain binti Mohd Yusoff	013-911 3260
FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG		
Diploma Pengurusan Muamalat	Puan Musfirah binti Mohamed Mokhtar	019-914 9698
Diploma Syariah Undang-Undang	Puan Yusliha binti Mohd Yunus	013-501 0375
Ijazah Sarjana Muda Syariah dengan Pentadbiran Kehakiman (Kepujian)	Puan Nurul Syuhadah binti Azalan	014-807 0237
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Turath (Ilmu Falak)	Encik Muhammad Assyifaa Uhayat bin Jahidin	010-662 0687
AKADEMI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH		
Diploma Pengajian Quran dan Sunnah	Encik Muhamad Razif bin Ahmad	013-310 4152
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian	Encik Ahmad Haiqal Fitri bin Ahmad Fuad	019-976 2018
Ijazah Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran dengan Pengurusan Islam (Kepujian)	Encik Nik Ahmad Mumtaz bin Nik Din	013-217 4489
FAKULTI PENGAJIAN PENGURUSAN DAN INFORMATIK		
Diploma Pengajian Perniagaan	Cik Aulia Fahada binti Misaridin	017-204 5396

Diploma Pengurusan Pemasaran		
Diploma Perakaunan	Puan Nor Azah binti Abdul Jalil	012-985 6474
Diploma Kewangan Dan Perbankan	Puan Maslina binti Mohamed	016-925 3696
Diploma Pengurusan Kewangan Islam	Puan Lydiawaty binti Hassan Busry	011-6973 9236
Diploma Teknologi Maklumat dan Rangkaian	Encik Mohd Fazzly Rassis bin Md. Kasim	012-929 1389
Diploma Diploma Sains Komputer	Puan Maszita binti Mohd Dom	013-939 6909
Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dengan Kepujian	Puan Nurulhuda binti Othman	013-961 1939
Ijazah Sarjana Muda Kewangan Islam (Kepujian)	Puan Siti Fatimah binti Sudarmin	013-988 1697
Ijazah Sarjana Muda Perakaunan Dengan Kepujian	Puan Nor Azah binti Abdul Jalil	012-985 6474
Ijazah Sarjana Muda Multimedia (Pengiklanan Digital) dengan Kepujian	Encik Muhd Ilham bin Ciding	019-959 1091
FAKULTI PENGAJIAN BAHASA DAN ASASI		
Diploma In English	Puan Ida Khairiyah Mohd Yusof	013-778 2152
Sarjana Muda Pengajian Bahasa Inggeris dengan Kepimpinan Pengajaran	Puan Farahiyah binti Abdul Jalil	019-344 2684
PUSAT PENGURUSAN SISWAZAH		
Sarjana Pengajian Islam (Kerja Kursus)	Encik Muhammad Fairuz bin Ali	013-311 1002
Sarjana Pengajian Islam (Penyelidikan)	Puan Siti Marsitah binti Mokhtar	013-311 7186
Doktor Falsafah Pengajian Islam	Dr. Mohd Zulfakar bin Hj Mat Jusoh	016-755 9807
Doktor Falsafah Dakwah	Puan Juwairiah binti Hasan	013-679 9722
Diploma Pascasiswazah Guaman Syarie dan Kehakiman	Puan Ainun Mardhiah binti Salehudin	013-932 9658
Doktor Falsafah Syariah	Encik Muhammad Fakhruddin bin Ishak	019-932 6009
Sarjana Pentadbiran Perniagaan	Puan Nurulhuda binti Othman	013-961 1939
Sarjana Kewangan Islam	Puan Siti Fatimah binti Sudarmin	013-988 1697
Master Of Education Teaching English as A Second Language	Puan Shafinas binti Sharifuddin	012-986 0123

- 3.2 Graduan akan menerima **Borang Senarai Semak Istiadat Konvokesyen ke-22 UnIPSAS di Kaunter HEPA** dan **Pas Masuk ibu bapa/tetamu di Kaunter Peminjaman dan Pemulangan Jubah**. Pihak UnIPSAS tidak bertanggungjawab atas kehilangan pas masuk yang telah diedarkan dan pas masuk yang hilang tidak akan diganti.
- 3.3 Ibubapa/tetamu diminta **membawa bersama Pas Masuk yang disertakan untuk ditunjukkan** kepada Pegawai UnIPSAS yang bertugas semasa memasuki Dewan Istiadat Konvokesyen. Tetamu yang **tidak membawa kad** tidak dibenarkan masuk ke dalam dewan.
- 3.4 Setiap graduan akan diberikan **SATU (1)** pas masuk yang telah disahkan oleh pihak UnIPSAS. Pas tersebut akan mewakili **DUA (2) orang tetamu sahaja** yang dibenarkan masuk ke dalam Dewan Istiadat Konvokesyen. Semua jemputan **WAJIB** mematuhi etika berpakaian seperti yang ditetapkan dalam Perkara 9 dan 10.
- 3.5 Graduan **TIDAK DIBENARKAN** menangguhkan Istiadat Konvokesyen ataupun **MEWAKILKAN ORANG LAIN** bagi menghadiri Istiadat Konvokesyen.
- 3.6 Pihak UnIPSAS berhak menahan atau melarang graduan yang tidak mendaftar daripada menyertai Istiadat Konvokesyen ini.

PENTING:

- Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun **TIDAK DIBENARKAN MASUK** ke dalam dewan.
- Para ibu bapa dan tetamu yang **TIDAK MEMATUHI PERATURAN BERPAKAIAN** sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 10 boleh dihalang daripada memasuki dewan Istiadat Konvokesyen.

4. Proses Pembangunan Kerjaya HEPA Graduan / Alumni UnIPSAS

4.1 Bagi melengkapkan proses graduasi, semua graduan **DIWAJIBKAN** menyelesaikan perkara-perkara berikut:

- A. Menyertai Group Whatsapp - Graduan Bersama HEPA – Konvokesyen 2025 di pautan
https://chat.whatsapp.com/EoWfTUTYdDgKplUW1D4Jbn?mode=ems_copy_c
- B. Melengkapkan Borang Pra SKPG dan Borang Alumni UnIPSAS.
- C. Melengkapkan Borang Kajian Pengesanan Graduan KPT 2022/SKPG 1.0. dan memuat turun slip SKPG tersebut.
- D. Melengkapkan Pembangunan Kerjaya Graduan.
- E. Melengkapkan Borang Kepuasan Pelajar Graduan UnIPSAS.

Semua pautan borang bagi perkara B hingga E dan kaedah pengisian akan dimaklumkan di dalam Group Whatsapp – Group Alumni Konvo Ke-22.

Semua perkara A hingga E perlu ditangkap layar (*screenshot*) dan ditunjukkan semasa pengambilan jubah.

Graduan yang **TIDAK MELENGKAPKAN** perkara A hingga E, **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai Istiadat Konvokesyen Ke-22 dan mendapatkan Skrol Pengijazahan dan Transkrip Akademik.

4.2 Bagi graduan yang **TIDAK MENGHADIRI** Istiadat Konvokesyen Ke-22, graduan tetap **WAJIB** melengkapkan kesemua perkara A hingga E. Graduan perlu menunjukkan kesemua bukti tangkap layar dan menghantar ke talian mesra **HEPA 018-915 3095**. Graduan yang tidak hadir **TANPA MELENGKAPKAN** perkara A hingga E, **TIDAK AKAN MENERIMA** Skrol Pengijazahan dan Transkrip Akademik.

4.3 Sebarang persoalan dan maklumat lanjut berkaitan Perkara 4 ini boleh terus menghubungi unit **HEPA** di talian **018-915 3095**.

5. Yuran Konvokesyen

5.1 Pembayaran yuran graduasi dan alumni akan dijelaskan sebelum hari pengambilan set jubah konvokesyen.

5.2 Graduan yang mempunyai tunggakan yuran pengajian **DIWAJIBKAN** menjelaskan baki tunggakan bagi membolehkan graduan menyertai Istiadat Konvokesyen Ke-22.

5.3 Berikut adalah kadar bayaran yang perlu dijelaskan oleh semua graduan:

PERINGKAT PENGAJIAN	YURAN KONVOKESYEN	YURAN ALUMNI	JUMLAH
Doktor Falsafah	RM470.00	RM30.00	RM500.00*
Ijazah Sarjana			
Ijazah Sarjana Muda			
Diploma			

**Bayaran ini akan ditolak dari deposit graduan berjumlah RM500.00.*

5.4 Graduan yang **TIDAK MENGHADIRI** Majlis Istiadat Konvokesyen akan dikenakan kadar bayaran yuran graduasi dan alumni berjumlah **RM130.00**. Graduan boleh membuat tuntutan pemulangan baki deposit dengan memuat turun **Borang Cagaran** di pautan <https://unipsas.edu.my/konvokesyen-ke-22-unipsas/> dan boleh membuat tuntutan bermula pada **18hb November 2025 (Selasa)**.

5.5 Bayaran yuran graduasi dan alumni hendaklah menggunakan kaedah pembayaran seperti berikut:


No. Akaun : **109921765370**

Nama Akaun : **SISTEM PENDIDIKAN ISLAM PAHANG SDN BHD**

Nama Bank : **AFFIN BANK BERHAD**

Atau

Sebagai alternatif, bayaran juga boleh dibuat melalui imbasan QR Code Affin Bank seperti dilampirkan di bawah:



- 5.6 Mohon pelajar menyertakan bukti pembayaran bersama nama penuh dan nombor matrik semasa membuat semakan atau penghantaran resit.
- 5.7 Sebarang pertanyaan atau permasalahan berkaitan yuran pengajian, boleh menghubungi Pejabat Bendahari UnIPSAS di talian 09-553 5555.

6. Pengambilan dan Pemulangan Set Jubah Konvokesyen

6.1 Peringatan **Sebelum Pengambilan Set Jubah Konvokesyen**

- i. Graduan hendaklah **bebas daripada sebarang tunggakan yuran** bagi melayakkan diri untuk menyertai Istiadat Konvokesyen.
- ii. Graduan hendaklah mengambil set jubah konvokesyen pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Pengambilan lebih awal adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- iii. **Borang Akuan Penerimaan dan Pemulangan Jubah** yang boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://unipsas.edu.my/konvokesyen-ke-22-unipsas/> hendaklah dicetak. Sila lengkapkan borang tersebut sebelum urusan pengambilan set jubah konvokesyen dilakukan.

- iv. Graduan yang tidak dapat hadir semasa hari pengambilan set jubah konvokesyen boleh mewakilkan orang lain dengan mengemukakan borang seperti yang dinyatakan di atas.
- v. Graduan hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya jika berlaku kerosakan/kehilangan set jubah konvokesyen semasa dalam jagaan diri sendiri atau wakil.

6.2 Peringatan Semasa Pengambilan Set Jubah Konvokesyen

- i. Graduan hendaklah mengemukakan **Borang Akuan Penerimaan dan Pemulangan Jubah** yang telah lengkap diisi semasa mengambil jubah masing-masing.
- ii. Pengambilan jubah akan diadakan di Bilik Jubah (Aras 1, Auditorium) pada waktu berikut:

PERKARA	TARIKH	MASA	TEMPAT
Pengambilan Jubah Bagi Pelajar Diploma dan Pascasiswazah Sahaja	Selasa 11/11/2025	8.30 am – 4.00 pm	Bilik Jubah (Aras 1, Auditorium)
	Rabu 12/11/2025	8.30 am – 4.00 pm	
	Khamis 13/11/2025	8.30 am – 4.00 pm	

PERKARA	TARIKH	MASA	TEMPAT
Pengambilan Jubah Bagi Pelajar Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Sahaja	Jumaat 14/11/2025	8.30 am – 4.00 pm	Bilik Jubah (Aras 1, Auditorium)
	Sabtu 15/11/2025	8.30 am – 4.00 pm	
	Ahad 16/11/2025	8.30 am – 10.30 am	

- iii. Graduan perlu memastikan set jubah konvokesyen yang diambil berada dalam keadaan baik.
- iv. Graduan tidak dibenarkan meminda atau mengubahsuai mana-mana bahagian set jubah konvokesyen yang dipinjam.

- v. Set jubah konvokesyen yang perlu diterima oleh graduan adalah:

PERINGKAT PENGAJIAN	WARNA JUBAH	WARNA HOOD	MORTAR BOARD / BONNET
Doktor Falsafah	Hijau	Silver dan Hijau	Bonnet (Baldu Hitam dan Jalur Emas)
Ijazah Sarjana			Mortar Board (Baldu Hitam dan Jalur Silver)
Diploma Pascasiswazah	Hitam (Jalur Emas)	Tiada	Songkok
Ijazah Sarjana Muda	Hitam	Tiada	Tiada
Diploma	Ungu	Tiada	Tiada

6.3 Peringatan Semasa Pemulangan Set Jubah Konvokesyen

- i. Tempoh pemulangan set jubah konvokesyen yang diperuntukkan adalah selama **5 hari** bermula dari tarikh konvokesyen, **17hb November 2025** sehingga **21hb November 2025**.
- ii. Denda kelewatan pemulangan set jubah konvokesyen adalah sepertimana berikut:
 - a. Denda dikenakan sebanyak **RM10.00 sehari** mengikut bilangan hari bekerja sekiranya graduan gagal memulangkan set jubah konvokesyen tersebut dalam tempoh masa yang telah ditetapkan sehinggalah ke tarikh pemulangan set jubah konvokesyen dibuat.
 - b. Set jubah konvokesyen yang rosak atau hilang akan dikenakan bayaran ganti rugi mengikut kadar seperti berikut:

PERINGKAT PENGAJIAN	JUBAH (RM)	HOOD (RM)	MORTAR BOARD / BONNET (RM)
Doktor Falsafah	450.00 (Hilang)	150.00 (Hilang) 100.00 (Rosak)	250.00 (Hilang) 200.00 (Rosak)
Ijazah Sarjana			
Ijazah Sarjana Muda	300.00 (Rosak)	Tiada	Tiada
Diploma			

- c. Pembayaran denda lewat/rosak/hilang perlu dilakukan secara perbankan internet ke akaun bank seperti berikut:


No. Akaun : **109921765370**

Nama Akaun : **SISTEM PENDIDIKAN ISLAM PAHANG SDN BHD**

Nama Bank : **AFFIN BANK BERHAD**

Atau

Sebagai alternatif, bayaran juga boleh dibuat melalui imbasan QR Code Affin Bank seperti dilampirkan di bawah:



- iii. Kegagalan menjelaskan pembayaran denda lewat/rosak/hilang, sijil dan transkrip akan ditahan sehingga pembayaran diselesaikan. Sila pastikan setiap pembayaran dibuktikan dengan resit.
- iv. Set jubah konvokesyen boleh diwakilkan untuk pemulangan. Kegagalan wakil menghantar set jubah konvokesyen mengikut tempoh yang ditetapkan adalah dibawah tanggungjawab peminjam.
- v. Graduan tidak dibenarkan sama sekali membuat pengubahsuaian seperti menjahit lengan atau mengubah kadar labuh ke atas jubah konvokesyen UniPSAS. Sebarang pengubahsuaian yang telah dibuat tanpa kebenaran daripada pihak Universiti akan dikenakan denda.
- vi. Pemulangan jubah akan diadakan di tempat yang tercatat dalam jadual di bawah. Selepas daripada tarikh-tarikh berikut, jubah hendaklah dikembalikan ke **Pejabat Pentadbiran Am** dan akan dikenakan bayaran denda lewat.

PERKARA	TARIKH	MASA	TEMPAT
Pemulangan Jubah (Selepas Konvokesyen)	Isnin 17/11/2025	2.00 pm – 7.00 pm	Bilik Seminar, Annexe Resthouse. https://maps.app.goo.gl/pD9w1eNL5aVActiZ6
	Selasa 18/11/2025	8.30 am – 4.00 pm	Kaunter Jubah (Ruang Legar di luar Pejabat Bendahari, UnIPSAS)
	Rabu 19/11/2025		
	Khamis 20/11/2025		
	Jumaat 21/11/2025		

7. Kad Graduan

- 7.1 Graduan akan mengambil Kad Graduan di Kaunter Pejabat Jabatan Pengurusan Teknologi Maklumat di Auditorium UnIPSAS dengan membawa Kad Matrik bermula **11hb November 2025 (Selasa)** mengikut jadual pengambilan set jubah konvokesyen.
- 7.2 Graduan dikehendaki menyemak maklumat pada Kad Graduan tersebut.
- 7.3 Graduan **DIWAJIBKAN memegang Kad Graduan tersebut dengan baik**, dan tidak bertukar tangan dengan graduan yang lain dan **membawanya pada hari Istiadat Konvokesyen berlangsung**.
- 7.4 Graduan perlu menyerahkan Kad Graduan kepada petugas sebelum naik ke pentas untuk menerima skrol.
- 7.5 Kegagalan graduan menyerahkan Kad Graduan kepada petugas akan menyebabkan nama tidak akan dipaparkan semasa penyerahan skrol.
- 7.6 Jika didapati graduan menghilangkan Kad Graduan tersebut, akan didenda sebanyak **RM50.00**. Kaedah pembayaran denda adalah sama di para 6.3 (c).

8. Pergerakan Graduan Semasa Istiadat Konvokesyen

Berikut merupakan panduan pergerakan graduan semasa Istiadat Konvokesyen:

8.1 Ketibaan Graduan:

Para graduan dikehendaki berada di **Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan**, pada jam **7.30 pagi (Sidang I)** atau **12.30 tengah hari (Sidang II)** pada **17hb November 2025 (Isnin)**. Sila pastikan berpakaian lengkap mengikut tatacara pemakaian graduan dan disarankan mengambil sarapan pagi **sebelum** hadir ke dewan Istiadat.

8.2 Lapor Diri:

- i. Graduan dikehendaki melapor diri kepada petugas seperti ketetapan berikut:

TARIKH	MASA MENDAFTAR	TEMPAT
17 November 2025 (Isnin)	7.30 pagi – 8.00 pagi (Sidang I) & 12.30 tengah hari – 1.30 tengah hari (Sidang II)	Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan

- ii. Graduan yang **lewat TIDAK DIBENARKAN** masuk untuk menyertai Istiadat Konvokesyen.
- iii. Graduan diminta memberi perhatian dan mematuhi arahan petugas semasa pendaftaran masuk graduan.
- iv. Graduan **hanya dibenarkan** membawa beg bersaiz kecil. Sebarang beg bersaiz besar tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam dewan Istiadat. Pihak UnIPSAS tidak menyediakan tempat simpanan barang. Sebarang kehilangan adalah di bawah tanggungjawab sendiri

8.3 Perbarisan Graduan:

- i. Selepas graduan melapor diri, graduan akan berbaris mengikut program pengajian masing-masing sebelum perarakan masuk graduan.
- ii. Kedudukan barisan dan susunan graduan sepanjang Istiadat Konvokesyen berlangsung akan ditentukan oleh pihak urus setia dan petugas.
- iii. Graduan **TIDAK DIBENARKAN** untuk menukar kedudukan dan barisan yang telah ditetapkan.

8.4 Penganugerahan Diploma/Ijazah:

Semasa majlis penganugerahan berlangsung, graduan dikehendaki mematuhi tatacara berikut:

- a) bangun apabila diminta, disertai dengan mengangkat sembah/tunduk hormat (tertakluk),
- b) bergerak keluar dalam barisan,
- c) beratur di tepi dewan dan menyerahkan Kad Graduan kepada petugas,
- d) berhenti di tempat bertanda dan mengangkat sembah (jika perlu),
- e) apabila nama dipanggil, graduan perlu mengangkat sembah dan berjalan menuju ke arah pemberi anugerah (jika perlu),
- f) melangkah setapak ke hadapan dan menerima skrol. Graduan dikehendaki untuk mengucapkan "*menjunjung kurnia Tuanku*" atau "*terima kasih*" (tertakluk),
- g) bawa skrol ke sebelah kiri badan. Berundur setapak ke belakang sambil menunduk sedikit, dan
- h) berjalan menuruni pentas dan kembali ke tempat duduk.

8.5 Hal-hal Lain

- i. Graduan perlu menunjukkan adab dan kesopanan sepanjang majlis berlangsung.
- ii. Ikuti arahan petugas dan jangan menyimpang dari protokol yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.
- iii. Jangan membuat bising, bercakap kuat atau melakukan sesuatu yang boleh mengganggu keharmonian majlis.
- iv. Pastikan anda berada di dalam dewan sehingga majlis berakhir dan jangan meninggalkan tempat duduk anda tanpa kebenaran.
- v. Matikan telefon bimbit atau letakkannya dalam mod senyap untuk mengelakkan sebarang gangguan.

9. Peraturan Pakaian Graduan

9.1 Semua graduan **DIWAJIBKAN** mematuhi peraturan berpakaian seperti berikut: -

Graduan Lelaki	Pakaian	- Baju Melayu lengkap bersampin dan bersongkok dengan lilitan (songkok berwarna hitam tanpa hiasan). - Lilitan songkok akan diberikan semasa pengambilan jubah.
	Kasut	Kasut kulit berwarna hitam dan berstoking (selipar, capal dan kasut sukan tidak dibenarkan).
	Lain-lain	- Rambut didandan rapi dan tidak panjang melebihi paras bawah telinga. - Berkuku pendek dan kemas.
Graduan Perempuan	Pakaian	- Baju Kurung. - Wajib bertudung (warna krim) dan menutup aurat (<i>niqab</i> adalah TIDAK DIBENARKAN). - Kerongsang akan diberikan semasa pengambilan jubah.
	Kasut	Kasut bertutup penuh dan memakai sarung kaki (selipar, sandal dan lain-lain jenis kasut TIDAK DIBENARKAN).
	Lain-lain	Graduan hanya dibenarkan membawa beg kecil yang boleh disembunyikan di dalam jubah konvokesyen. Sebarang beg bersaiz besar TIDAK DIBENARKAN.
PERKARA YANG DILARANG		Memakai pakaian berwarna putih dan kuning

9.2 Graduan yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan, pihak urus setia mempunyai kuasa untuk tidak membenarkan graduan menyertai Majlis Istiadat Konvokesyen.

10. Etika Istiadat untuk Ibu Bapa / Tetamu

- 10.1 Graduan hanya dibenarkan membawa **DUA (2) orang tetamu sahaja** masuk ke dalam Dewan Istiadat Konvokesyen. Kanak-kanak yang berumur di bawah 12 tahun **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dalam dewan.
- 10.2 Pas masuk perlu dibawa bersama dan ditunjukkan kepada petugas sebelum memasuki Dewan Istiadat Konvokesyen.
- 10.3 Ibu bapa / tetamu diminta memasuki Dewan Istiadat Konvokesyen mengikut masa yang telah ditetapkan.
- 10.4 Ibu bapa / tetamu diminta mengambil tempat duduk sebelum upacara bermula serta tidak dibenarkan keluar masuk dan meninggalkan dewan sehingga majlis berakhir kecuali urusan kecemasan.
- 10.5 Ibu bapa / tetamu **TIDAK DIBENARKAN** merakam gambar sepanjang istiadat berlangsung.
- 10.6 Telefon bimbit hendaklah dimatikan atau berada di dalam mod senyap ketika istiadat berlangsung.
- 10.7 Ibu bapa / tetamu diminta untuk menghormati istiadat yang sedang berlangsung dengan tidak membuat bising atau mengganggu keharmonian istiadat.
- 10.8 Merokok, membawa makanan dan minuman ke dalam Dewan Istiadat Konvokesyen adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali.
- 10.9 Ibu bapa / tetamu dinasihatkan supaya menjaga barangan berharga masing-masing. UnIPSAS tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan dan kerosakan terhadap barangan tersebut.

10.10 Ibu bapa / tetamu adalah disarankan supaya bersarapan pagi (bagi sidang pagi) dan makan tengahari (bagi sidang petang) terlebih dahulu sebelum memasuki Dewan Istiadat Konvokesyen.

10.11 Peraturan pakaian, khusus kepada ibu bapa / tetamu untuk memasuki dewan Istiadat adalah seperti berikut:

ETIKA PEMAKAIAN	BAPA/TETAMU LELAKI	IBU/TETAMU WANITA
DIBENARKAN	- Baju Kebangsaan (Baju Melayu sepasang dan bersampin). - Bersongkok. - Kasut Bertutup dan berstokin.	- Baju Kurung/Kebaya Longgar/Jubah. - Menutup Aurat dan Sopan. - Kasut bertutup penuh dan memakai sarung kaki.
TIDAK DIBENARKAN	- Jubah - Kemeja-T dan berseluar 'jeans' - Selipar, capal dan kasut sukan tidak dibenarkan.	- Gaun atau skirt yang pendek. 'Blouse' tanpa lengan. - Kemeja-T dan berseluar 'jeans'. - Selipar, sandal dan lain-lain jenis kasut tidak dibenarkan.

PENTING:

- Pakaian berwarna putih dan kuning adalah **DILARANG**.
- Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun **TIDAK DIBENARKAN MASUK** ke dalam dewan.
- Para ibu bapa dan tetamu yang **TIDAK MEMATUHI PERATURAN BERPAKAIAN** sebagaimana yang dinyatakan boleh dihalang daripada memasuki dewan Istiadat Konvokesyen.

11. Rawatan Kecemasan

- 11.1 Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) yang dilantik akan bertugas semasa Istiadat Konvokesyen untuk memberi rawatan kecemasan (sahaja) kepada Graduan dan tetamu (jika berkenaan).
- 11.2 Sila hubungi mana-mana petugas/staf UnIPSAS yang bertugas sekiranya anda memerlukan rawatan kecemasan.
- 11.3 Graduan dan ibu bapa dinasihatkan untuk mengambil sarapan terutamanya kepada graduan yang mengalami masalah kesihatan seperti gastrik.
- 11.4 Graduan yang memerlukan bantuan peralatan seperti kerusi roda atau pembantu diminta memaklumkan kepada pihak petugas/staf UnIPSAS lebih awal sebelum majlis atau memaklumkan kepada urus setia bertugas semasa hari raptai bagi persediaan awal oleh pihak urus setia.
- 11.5 Sekiranya graduan mengalami masalah kesihatan yang ketara dan bermasalah untuk beratur atau memakai kerusi roda, sila lapor diri terus kepada petugas/staf UnIPSAS yang bertugas agar proses memasuki dewan dipercepatkan.

12. Pergerakan Kenderaan

- 12.1 Ibu bapa / tetamu hendaklah memarkir kenderaan di sebelah kiri Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah dan di belakang dewan berhampiran Taman Tasik Lestari. Sila rujuk Lampiran 2 untuk laluan masuk dan parkir graduan.
- 12.2 **PAS MASUK KENDERAAN** hendaklah dimuat turun dari laman sesawang <https://unipsas.edu.my/konvokesyen-ke-22-unipsas/> dan dicetak. Pas masuk kenderaan yang dicetak hendaklah dipamerkan pada cermin hadapan kenderaan semasa hari Istiadat Konvokesyen. Hanya kenderaan yang mempunyai pas masuk kenderaan sahaja dibenarkan masuk ke kawasan parkir. Sila rujuk Lampiran 3 untuk contoh pas masuk kenderaan.

- 12.3 Graduan / Ibu bapa hendaklah mematuhi setiap arahan lalu lintas dan keselamatan dari semasa ke semasa bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku sepanjang Istiadat Konvokesyen berlangsung.

13. Gambar Konvokesyen

- 13.1 Jawatankuasa Istiadat Konvokesyen Ke-22 UnIPSAS akan menyediakan khidmat jurugambar profesional untuk mengambil gambar para graduan semasa penganugerahan skrol. Graduan **TIDAK DIBENARKAN** untuk mengambil gambar peribadi dengan menggunakan khidmat jurugambar peribadi dalam dewan.
- 13.2 Para jemputan juga **TIDAK DIBENARKAN** untuk mengambil gambar atau video di dalam dewan sepanjang tempoh Istiadat berlangsung.
- 13.3 UnIPSAS tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan gambar oleh syarikat jurugambar profesional yang dilantik mahupun gambar graduan yang tidak dituntut selepas 3 bulan daripada tarikh Istiadat Konvokesyen Ke-22 UnIPSAS.
- 13.4 Sekiranya graduan memerlukan perkhidmatan pos bagi gambar Istiadat konvokesyen ke alamat masing-masing, graduan boleh berurusan dengan syarikat fotografi yang dilantik. Urusan boleh dibuat pada hari Istiadat Konvokesyen berlangsung.
- 13.5 Perkhidmatan penggambaran di studio gambar di luar dewan adalah atas urusan peribadi graduan sendiri dan tidak termasuk dalam khidmat jurugambar profesional yang dilantik oleh UnIPSAS.

14. Skrol Pengijazahan dan Transkrip Akademik

- 14.1 Skrol dan Transkrip Akademik boleh diambil selepas selesai semua urusan pemulangan set jubah konvokesyen (mengikut tarikh yang telah ditetapkan oleh UnIPSAS).
- 14.2 Bagi graduan yang tidak berkesempatan mengambil Skrol dan Transkrip Akademik atau tidak menghadiri Istiadat Konvokesyen, ianya boleh dituntut dalam tempoh **90 hari** selepas tarikh Istiadat Konvokesyen di Pusat Pengurusan Akademik, UnIPSAS. Pihak UnIPSAS tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kerosakan/kehilangan dan sebagainya ke atas Skrol Diploma/Ijazah dan Transkrip Akademik sekiranya tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan di atas.
- Maklumat penting:** Adalah diingatkan kepada graduan, skrol dan transkrip akademik perlu diimbas dan disimpan dalam format pdf selepas penerimaan bagi mengelakkan kes kehilangan, kerosakan dan sebarang kemungkinan lain kerana penggantian semula skrol tidak lagi dilakukan oleh pihak UnIPSAS.
- 14.3 Sila kemukakan **penyata kewangan** yang menunjukkan graduan tidak mempunyai yuran tertunggak dan **borang senarai semak yang telah disahkan** pemulangan set jubah konvokesyen apabila berurusan mendapatkan Skrol dan Transkrip Akademik.
- 14.4 Skrol Diploma/Ijazah dan Transkrip Akademik juga boleh dimohon melalui surat atau melalui emel UPG@unipsas.edu.my dengan menyertakan salinan kad pengenalan, penyata kewangan terkini graduan dan alamat terbaru beserta bayaran pos sebanyak RM10.00 ke akaun UnIPSAS (maklumat akaun akan dimaklumkan dalam balasan emel). UnIPSAS tidak bertanggungjawab atas kehilangan/kerosakan skrol dan transkrip yang dituntut melalui pos.
- 14.5 Bagi graduan yang tidak menghadiri Istiadat Konvokesyen, Skrol Diploma/Ijazah dan Transkrip Akademik tidak diposkan kepada mereka kecuali setelah membuat permohonan secara bertulis.
- 14.6 Graduan boleh mewakilkan orang lain untuk mengambil Skrol Diploma/Ijazah dan Transkrip Akademik dengan cara mengisi dan memuat turun **Borang Permohonan**

Skrol Pengijazahan dan Transkrip Akademik di pautan <https://unipsas.edu.my/konvokesyen-ke-22-unipsas/> . Sila sertakan salinan kad pengenalan wakil dan graduan serta penyata kewangan terkini graduan.

- 14.7 Sebarang pertanyaan berkaitan Perkara 14 ini, graduan boleh berhubung dengan pegawai yang bertugas di talian **09-553 5550 sambungan 5361 atau 5375**.

PERINGATAN


**ISTIADAT KONVOKESYEN MERUPAKAN ISTIADAT
RASMI DAN PENUH TERTIB.**

**PARA GRADUAN DIMINTA MEMATUHI PERATURAN
YANG DINYATAKAN DI ATAS SUPAYA ISTIADAT
DAPAT BERJALAN LANCAR DAN SEMPURNA.**


- TERIMA KASIH -

**Daripada:
Jawatankuasa Jemputan Graduan
Istiadat Konvokesyen Ke-22
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
2025**

LAMPIRAN 1: Carta Alir Proses Peminjaman Dan Pemulangan Jubah



LAMPIRAN 2: Laluan Masuk Ibu/bapa dan Pergerakan Checkpoint Graduan



LAMPIRAN 3: Pas Masuk Kenderaan



LAMPIRAN 4: Borang Senarai Semak

 UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH جامعة اسلامان التسوناه الاماميه سلطان احمد شاه SULTAN AHMAD SHAH PAHANG ISLAMIC UNIVERSITY بورغ سناراي سيمق ISTIADAT KONVOKESYEN UNIVERSITI ISLAM PAHANG SULTAN AHMAD SHAH	
1 KAUNTER HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI (HEPA) Pengesahan Pemprofilan Kerjaya HEPA Sila Bawa: Bukti digital graduan melengkapkan item-item Pemprofilan Kerjaya HEPA otp pengesahan	5 LOKASI PERBARISAN GRADUAN Perbarisan Graduan Mengikut Program Sila Bawa: Kad Graduan Selamat Bergraduasi
2 KAUNTER PEJABAT BENDAHARI Pengesahan Kewangan Sila Bawa: Kad Matrik otp pengesahan	6 DEWAN KONVOKESYEN Penganugerahan Skrol Sila Bawa: Kad Graduan Tahniah
3 KAUNTER JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT Pengambilan Kad Graduan Sila Bawa: Kad Matrik otp pengesahan	7 KAUNTER PEMULANGAN JUBAH KONVOKESYEN Pemulangan Jubah di Lokasi Ditetapkan Sila Bawa: Jubah & Slip Pemulangan Jubah Konvokesyen otp pengesahan
4 BILIK PENGURUSAN JUBAH KONVOKESYEN Pengambilan Jubah Konvokesyen & Pas Masuk Sila Bawa: Borang Aduan Penerimaan & Pemulangan Jubah otp pengesahan	8 KAUNTER PENGAMBILAN SKROL & TRANSKRIP Pengambilan Skrol dan Transkrip di Lokasi Ditetapkan Sila Bawa: Borang Senarai Semak
<i>Kad Graduan Perlu Dibawa Pada Hari Graduasi</i>	
<i>Seluruh warga UnIPSAS mengucapkan tahniah di atas kejayaan anda. Semoga setiap langkah selepas ini dipandu iman, dihiiasi ilmu, dan dibenakati Allah selalu.</i>	